



DASAR ICT Versi 2.0

Seksyen 4 - PENGURUSAN & PENYELENGGARAAN DASAR ICT



PENGENALAN

Menerangkan tentang komitmen pengurusan ICT dalam pengurusan dan penyelenggaraan pengemaskinian dokumen Dasar ICT berdasarkan keperluan semasa.



PENGURUSAN DASAR ICT

Pengurusan ICT bertanggungjawab mengurus Dasar ICT berdasarkan keperluan semasa dengan dibantu oleh Ketua Pegawai Maklumat (*CIO*), Ketua Pegawai Maklumat Bersekutu (*Associate CIO*), Pegawai Keselamatan ICT (*ICTSO*) dan lain-lain pegawai yang dilantik.



PENYEBARAN DASAR

Dasar ini perlu disebarkan kepada semua pengguna kemudahan dan perkhidmatan ICT universiti termasuk staf, pelajar serta pihak ketiga.



PENYELENGGARAAN DASAR

Dasar ICT UiTM tertakluk kepada semakan dan pindaan dari semasa ke semasa selaras dengan perubahan teknologi, aplikasi, prosedur, perundangan dan kepentingan sosial.



PEMAKAIAN

Dasar ICT UiTM terpakai kepada semua pengguna ICT universiti tanpa sebarang pengecualian.

Disediakan oleh: Jabatan Infostruktur